

DIFFLAM MOUTH GEL

Benzylamine hydrochloride / Cetylpyridinium chloride (1% w/w / 0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Difflam Mouth Gel
2. Bagaimana Difflam Mouth Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Difflam Mouth Gel
4. Cara menggunakan Difflam Mouth Gel
5. Semasa menggunakan Difflam Mouth Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Difflam Mouth Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Hydrochloride atau Cetylpyridinium chloride

- mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Jangan menggunakan ubat ini jika anda mengandung atau bercadang untuk hamil. Ia mungkin menjejaskan perkembangan bayi anda jika anda menggunakannya semasa mengandung. Ahli farmasi atau doktor anda akan membincangkan faedah dan risiko yang mungkin berlaku jika anda menggunakan ubat semasa mengandung.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusannya koyak atau terdapat kesan-kesan terbuka.

Jika anda belum memberitahu ahli farmasi atau doktor anda mengenai mana-mana di atas, beritahu dia sebelum anda mula menggunakan Difflam Mouth Gel.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi atau herba dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Ahli farmasi atau doktor anda mempunyai lebih banyak maklumat ubat-ubatan yang memerlukan perhatian atau dielakkan semasa menggunakan ubat ini.

Apakah kegunaan Difflam Mouth Gel

Difflam Mouth Gel digunakan untuk melegakan keradangan dan kesakitan mulut, gusi dan ulser disebabkan gigi palsu.

Cetylpyridinium Chloride mempunyai aktiviti antiseptik.

Bagaimana Difflam Mouth Gel berfungsi

Difflam Mouth Gel berfungsi dengan mengurangkan kesakitan, kemerahan dan bengkak.

Sebelum menggunakan Difflam Mouth Gel

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan kepada:

- mana-mana ubat yang mengandungi Benzylamine

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula menggunakan ubat ini, berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan kepada apa-apa ubat-ubatan lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu ahli farmasi anda jika anda mempunyai mana-mana masalah kesihatan berikut:

- masalah buah pinggang atau hati

Ia tidak diketahui jika Benzylamine hydrochloride atau Cetylpyridinium chloride akan meresap ke dalam susu ibu. Ahli farmasi atau doktor anda akan membincangkan potensi faedah dan risiko menggunakan ubat jika anda sedang menyusu.

Cara menggunakan Difflam Mouth Gel

Ikut semua arahan pada pek atau arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda dengan teliti.

Jika anda tidak memahami arahan pada kotak, minta ahli farmasi atau doktor anda untuk membantu.

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan lebih kurang 1cm gel dengan jari dan gosok dengan perlahan pada kawasan yang sakit. Jangan makan atau minum selama 15 minit.

Kanak-kanak bawah 6 tahun: Tidak disyorkan untuk digunakan

-Bila perlu digunakan

Gunakan ubat ini setiap 2-3 jam sehingga maksima 12 kali sehari.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Diffiam Mouth Gel bila diperlukan atau diarahkan oleh doctor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan Diffiam Mouth Gel, gunakan dos seterusnya sebaik sahaja anda ingat.

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang telah terlepas.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat dengan segera, atau pergi ke Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat. Jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah menggunakan atau tertelan terlalu banyak Diffiam Mouth Gel, lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan Diffiam Mouth Gel

-Perkara yang perlu dilakukan

Ahli farmasi atau doktor anda akan menilai keadaan anda dan membuat keputusan jika anda perlu terus menggunakan ubat ini.

-Perkara tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan Diffiam Mouth Gel untuk merawat apa-apa aduan lain kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

Jangan memberi ubat kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika keadaan anda tidak bertambah baik, sila jumpa doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat lanjut.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda menggunakan Diffiam Mouth Gel.

Ubat ini membantu kebanyakan orang, namun ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini dalam beberapa orang. Semua ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Kadang kala ia serius, tetapi kebanyakan masa ia tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan jika anda mendapat sesetengah kesan sampingan.

Jangan berasa bimbang tentang senarai kesan-kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak mengalami apa-apa kesan sampingan ini.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- kebas pada bahagian mulut
- rasa pedih pada mulut
- kekeringan mulut dan berasa dahaga

Senarai di atas termasuk kesan sampingan ubat anda. Kesan-kesan ini biasanya adalah tidak serius.

Jika mana-mana yang berikut berlaku, beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat anda:

- sesak nafas
- bunyi berdehrit atau kesukaran pernafasan
- bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain
- ruam, gatal-gatal atau geligata pada kulit

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang sangat serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera atau rawatan hospital.

Kesan-kesan sampingan adalah amat jarang.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (Public→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)

Cara penyimpanan dan pelupusan Diffiam Mouth Gel

-Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asal sehingga tiba masanya untuk menggunakannya.

Simpan ubat anda di tempat yang dingin dan kering di mana suhu berada di bawah 30 ° C.

Jangan simpan Diffiam Mouth Gel atau sebarang ubat lain di bilik mandi atau berhampiran sinki. Jangan biarkan ia di ambang tingkap atau di dalam kereta.

Haba panas dan kelembapan boleh merosakkan ubat ini.

Pastikan ubat ini sentiasa dijauhkan daripada kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter di atas lantai adalah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

-Pelupusan

Tanya ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan dengan mana-mana ubat yang tertinggal, atau jika tarikh luput telah berlalu.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Diffiam Mouth Gel adalah ubat gel mulut berwarna jernih dan berasa peppermint.

Ia dibekal dalam tiub 10gm.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Setiap gram Diffiam Mouth Gel mengandungi:

- Benzydamine hydrochloride 10mg
- Cetylpyridinium chloride 1mg

-Bahan tidak aktif

- saccharin sodium
- polysorbate 20
- glycerol
- hydroxyethylcellulose
- peppermint oil
- purified water

-Nombor MAL

MAL13015051ACZ

Pengilang

Ensign Laboratories Pty Ltd
490-500 Wellington Road,
Mulgrave Victoria,
Australia 3170.

Pemegang Pendaftaran Produk

iNova Pharmaceuticals (Singapore) Pte
Ltd (Incorporated in Singapore)
Malaysia Branch
6F-2A, 6th Floor,
Tower 4, The PFCC,
Jalan Puteri 1/2 , Bandar Puteri,
47100 Puchong,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

15/08/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140818/00240